

2

KAMAR HAKIM BESAR,  
MALAYA,  
MAHKAMAH AGUNG,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR.

---

Bil: (45)dlm.JK/MA 38

Tarikh: 24 Februari, 1987.

Yang Arif Hakim-Hakim,  
Mahkamah Tinggi Malaya.

Yang Dipertua,  
Mahkamah Sesyen,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Majistret,  
Mahkamah Majistret,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Menggari Banduan-Banduan Dalam Kandang Pesalah  
Semasa Perbicaraan dan Semasa Perbicaraan Rayuan.

Bagi tujuan keselamatan, khususnya, untuk mengelakkan cubaan atau pelarian banduan dan untuk memastikan keselamatan pegawai-pegawai Mahkamah, pegawai-pegawai Polis dan yang lain yang terlibat dalam pentadbiran keadilan, adalah didapati perlu bagi banduan-banduan digari semasa perbicaraan atau semasa perbicaraan rayuan. Pihak pendakwa hendaklah memohon kebenaran Mahkamah mengenainya. Yang Arif Hakim, Yang Dipertua dan Majistret hendaklah, dalam menjalankan budi bicara mereka, sewajarnya memberi kebenaran atas permohonan pihak pendakwa.

2.           Hendaklah diambil perhatian bahawa tugas-tugas dan kuasa-kuasa pegawai-pegawai Polis seperti yang disenaraikan di bawah seksyen 20(3), Akta Polis 1967 (No. 41 Tahun 1967) adalah termasuk, antara lainnya, mengiring dan mengawal

- 2 -

banduan-banduan dan lain-lain orang yang berada dalam jagaannya. Pihak Polis adalah bertanggungjawab untuk mengiring dan mengawal dengan rapi dan efektif orang yang tertuduh yang berada dalam tahanan semasa perjalanan prosiding jenayah, iaitu, sebelum sabitan atau pembebasan, mengikut mana yang berkenaan, atau semasa perjalanan perbicaraan sesuatu rayuan.

(TAN SRI DATO' ABDUL HAMID BIN OMAR)  
Hakim Besar Malaya.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara, Malaysia.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo.

Y.B. Peguam Negara Malaysia.

Ketua Setiausaha, Kementerian Kehakiman.

Ketua Polis Negara, Malaysia.

Ketua Penguasa Penjara, Malaysia.

Ketua Pendaftar, Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur.

(15)

KAMAR HAKIM BESAR,  
MALAYA,  
MAHKAMAH AGUNG,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR.

---

Bil: (45)d/m.JK/MA 38

Tarikh: 24 Februari, 1987.

The Hon'ble Judges,  
High Court, Malaya.

Presidents,  
Sessions Courts,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Magistrates,  
Magistrates' Courts,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

The handcuffing of prisoners in the dock  
during trials and hearing of appeals.

For security purposes, in particular, to prevent prisoners escaping or attempting to escape and to ensure safety to officers of the Court, police officers and others involved in the administration of justice, it seems desirable that prisoners be handcuffed during trials or hearing of appeals. The prosecution shall seek leave of Court to that effect. The Hon'ble Judges, Presidents of Sessions Courts and Magistrates shall, in exercise of their discretion, favourable give leave on application by the prosecution.

2. It is to be observed that the duties and powers of police officers enumerated under section 20(3) of the Police Act 1967 (No. 41 of 1967) include, inter alia, escorting and guarding of prisoners and other persons in their custody. The police are responsible for escorting and

- 2 -

guarding diligently and effectively an accused person who is on remand during the course of criminal proceedings, that is, prior to conviction or acquittal, as the case may be, or in the course of the hearing of an appeal.

(TAN SRI DATO' ABDUL HAMID BIN HAJI OMAR)  
Chief Justice Malaya.

c.c.

Y.A.A. Lord President, Malaysia.

Y.A.A. Chief Justice, Borneo.

Y.B. Attorney-General, Malaysia.

Secretary-General, Ministry of Justice.

Inspector-General of Police, Malaysia.

Director-General, Prisons, Malaysia.

Chief Registrar, Supreme Court, Kuala Lumpur.

Registrar, High Court Malaya, Kuala Lumpur.